

14 OCT 1999

Mahathir-Motor

DR MAHATHIR YAKIN KEGIATAN SUKAN BERMOTOR MENINGKAT

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan berharap kegiatan sukan bermotor di negara ini akan membantu meningkatkan keupayaan dalam bidang kejuruteraan automotif dan rekacipta kereta lumba.

Beliau berkata ia juga diharap dapat memupuk minat di kalangan generasi muda untuk bergiat dalam sukan bermotor sehingga mencapai taraf pelumba Formula Satu.

"Bidang automotif tidak terhad kepada bidang pengeluaran kereta atau kejuruteraan tetapi juga kereta untuk sukan dan riadah," katanya semasa merasmikan KL Motorsports Show'99 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Kerajaan ingin melihat golongan muda menceburi bidang perlumbaan motor secara tersusun, katanya.

Beliau berkata, sukan bermotor ini juga diharapkan akan dapat mengurangkan kegiatan tidak sihat seperti perlumbaan haram di jalan-jalan dan lebuhraya.

Perdana Menteri berkata golongan muda yang berminat harus mencari peluang untuk menyalur tenaga dan minat untuk menjadi pemandu kereta lumba sehingga ke peringkat Formula 3000 dan seterusnya F1.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah jauh ke hadapan dalam bidang automotif dari sebuah negara yang hanya membeli dan mengimport kereta pada satu masa dahulu.

Kemajuan itu dicapai secara berperingkat-peringkat dengan industri pemasangan kereta, pembuatan kereta sendiri dan kini mampu mereka bentuk dan membuat ujian sendiri.

Perdana Menteri bersyukur kerana Malaysia dipilih sebagai lokasi perlumbaan F1, perlumbaan kereta terulung di dunia, walaupun banyak negara lain di Asia turut berminat membawa acara itu ke negara masing-masing.

"Sukan bermotor dapat menolong meletakkan Malaysia di peta dunia dan menarik perdagangan dan pelancong datang ke Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata pelbagai bentuk kegiatan sukan bermotor perlu diwujudkan bagi membolehkan lebih ramai dari pelbagai peringkat umur menyertainya.

Dr Mahathir yang meluangkan masa sejam melawat pameran berkenaan turut melancarkan kereta Bufori yang dikeluarkan Bufori Motor Car Company (M) Sdn Bhd.

Perdana Menteri juga melancarkan Simex Rainforest Challenge 1999, satu kejohanan pacuan empat roda antarabangsa yang akan berlangsung dari 28 Nov hingga 8 Dis di Malaysia.

Dr Mahathir turut meluangkan masa selama 10 minit untuk membolehkan dua pelukis kartun (Don dan Zalli) melukis wajahnya dalam bentuk karikatur ketika melancarkan "Million Faces of Caricature Don and Zalli".

-- BERNAMA

AFY HS PR